



GARIS PANDUAN

VIRTUAL PRIVATE NETWORK

(VPN)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

REKOD PINDAAN

Bil.	Tarikh Pindaan	Ringkasan Pindaan	Kelulusan	Tarikh kuatkuasa
1.	-	Kuatkuasa pertama	22/12/2022	22/12/2022
2.				
3.				
4.				
5.				

ISI KANDUNGAN		MUKA SURAT
1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
3.0	SKOP	1
4.0	DEFINISI.....	1
5.0	PELAKSANAAN VPN.....	1
6.0	PERMOHONAN VPN.....	2
7.0	TANGGUNGJAWAB PENGGUNA VPN.....	2
8.0	PEMATUHAN	3
9.0	PENAFIAN	3

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan bagi sambungan capaian jarak jauh (remote access) Virtual Private Network (VPN) ke rangkaian UKM.

2.0 LATAR BELAKANG

UKM menyediakan perkhidmatan Virtual Private Network (VPN) untuk membolehkan pengguna mencapai rangkaian UKM melalui rangkaian awam (internet). Perkhidmatan ini memberi kemudahan kepada pengguna mencapai sistem atau perkakasan yang hanya boleh dicapai melalui rangkaian intranet.

3.0 SKOP

Garis Panduan ini terpakai untuk semua warga UKM yang memerlukan kemudahan VPN untuk capaian ke rangkaian UKM.

4.0 DEFINISI

Virtual Private Network (VPN)	Virtual Private Network (VPN) adalah sambungan rangkaian persendirian di antara peralatan pengguna (contoh: komputer peribadi) ke rangkaian UKM melalui rangkaian awam (internet) secara selamat.
--------------------------------------	---

5.0 PELAKSANAAN VPN

- a) Kemudahan VPN hanya diberikan kepada kakitangan UKM bagi tujuan melaksanakan tugas rasmi universiti dan mendapat perakuan ketua PTj.
 - i. Kakitangan Teknikal PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat.
 - ii. Pengguna Sistem Maklumat Universiti (client-server)
- b) Semua permohonan kemudahan VPN perlu dibuat secara rasmi kepada PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat.
- c) Sambungan VPN ini mestilah menggunakan perisian yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Sebarang penggunaan perisian selain daripada yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, permohonan khas penggunaan perisian lain boleh dibuat bagi kes-kes tertentu. Kelulusan adalah bergantung kepada keperluan penggunaan dan risiko keselamatan.
- d) PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat berhak untuk menetapkan tempoh tertentu penggunaan kemudahan VPN yang diberikan.
- e) Pelajar hanya akan diberikan kemudahan VPN bagi tujuan akademik sahaja dan permohonan perlulah dibuat melalui pensyarah fakulti pelajar.
- f) Permohonan kemudahan VPN bagi tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam perkara (a) dan (b) (contoh: pihak ketiga) boleh dibuat kepada PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat melalui PTj yang berkaitan.

6.0 PERMOHONAN VPN

Berikut adalah panduan permohonan untuk menggunakan perkhidmatan VPN UKM:

- a) Pemohon perlu mengisi borang Permohonan Laluan Khas (UKM-SPKP-PTM-PK02-GP04-BO01) yang boleh didapati daripada Sistem Pengurusan Dokumen UKM.
- b) Borang yang telah diisi hendaklah dimajukan kepada Pusat Teknologi Maklumat, UKM atau emelkan kepada rangkaian@ukm.edu.my.
- c) Pemohonan akan diberikan maklumbalas kelulusan secara emel dalam tempoh tiga hari bekerja.

- d) Tatacara pemasangan perisian dan cara menyambungkan peranti daripada lokasi luar UKM kepada rangkaian dalaman UKM akan disertakan bersama dengan makluman kelulusan.

7.0 TANGGUNGJAWAB PENGGUNA VPN

- a) Peralatan peribadi (contoh: komputer) yang digunakan untuk membuat penyambungan VPN ke rangkaian UKM mestilah mematuhi dasar dan garis panduan keselamatan yang berkaitan.
- b) Semua komputer yang digunakan untuk mencapai rangkaian UKM melalui VPN mestilah dilengkapi perisian antivirus dan perisian pengoperasian yang dikemaskini.
- c) ID dan kata laluan yang diberikan mestilah dilindungi dan tidak dikongsikan dengan individu lain.
- d) Pengguna yang diberi kemudahan VPN bertanggungjawab untuk memastikan kemudahan ini tidak disalah guna.
- e) Memaklumkan kepada **Aduan Khidmat ICT atau UKMCert** dengan segera sekiranya mengesyaki akaun telah disalahgunakan atau berlakunya insiden keselamatan ICT.

8.0 PEMATUHAN

- a) Pihak universiti berhak untuk menarik semula kemudahan VPN jika pengguna didapati tidak mematuhi garis panduan ini **setelah amaran secara bertulis diberikan**.
- b) Sebarang ketidakpatuhan Garis Panduan ini yang berkaitan kawalan keselamatan maklumat, tindakan yang akan diambil adalah merujuk kepada Bab.11 Kawalan Capaian iaitu perkara 11.3 Kawalan Capaian Rangkaian dan perkara 11.4 Pelanggaran Dasar dalam Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

9.0 PENAFIAN

Perkhidmatan VPN yang disediakan bukan hak mutlak warga UKM. Ia adalah kemudahan yang tertakluk kepada peraturan PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM dan boleh ditarik balik jika penggunaannya melanggar peraturan.

PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan data, kebocoran maklumat atau pencerobohan akaun VPN yang telah diberikan ini. Segala penggunaan dan penyimpanan data penting adalah dibawah tanggungjawab individu dengan berpandukan peraturan yang telah dinyatakan **perkara 9.7 Keselamatan Maklumat dalam Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.**

PTj Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat UKM tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan atau kemusnahan maklumat yang terjadi atas penggunaan perkhidmatan ini.

**TERTAKLUK KEMASKINI DASAR....perlu sentiasa disemak merujuk perkara berkaitan dalam dasar jika ada kemaskinian GP*